



GARIS PANDUAN HAK CIPTA PERBUKUAN

MAJLIS BUKU KEBANGSAAN MALAYSIA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

GARIS PANDUAN HAK CIPTA PERBUKUAN

MAJLIS BUKU KEBANGSAAN MALAYSIA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
2024

Majlis Buku Kebangsaan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia /
Perpustakaan Negara Malaysia, Kementerian Perpaduan Negara

Cetakan Pertama 2024

© Majlis Buku Kebangsaan Malaysia / Perpustakaan Negara Malaysia, 2024

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula atau ditukarkan dalam apa juga bentuk dan apa juga cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis Buku Kebangsaan Malaysia / Perpustakaan Negara Malaysia.

Diterbitkan oleh:

Majlis Buku Kebangsaan Malaysia
Aras 1, Blok 2251
Bangunan Mustapha Kamal Jalan Usahawan 1
63000 Cyberjaya Selangor
E-mel: mbkm@moe.gov.my
Laman Web: <http://www.mbkm.my>

Dengan kerjasama:

Perpustakaan Negara Malaysia
232, Jalan Tun Razak
50572 Kuala Lumpur
Tel: 03-2687 1700
Faks: 03-2694 2490
Laman Web: <http://www.pnm.gov.my>



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

eISBN 978-983-2424-36-9

Kandungan

Sekapur Sirih	v
Seulas Pinang	vii

A. PENGENALAN	1 - 5
1. Tujuan	
2. Objektif	
3. Takat Pemakaian	
4. Tafsiran	
B. PERLINDUNGAN HAK CIPTA	7 - 11
1. Definisi Hak Cipta	
2. Kepentingan Hak Cipta	
3. Pemunya Hak Cipta	
4. Jangka Masa Perlindungan Hak Cipta	
5. Pembuktian Hak Cipta	
C. PENGURUSAN HAK CIPTA	13 - 19
1. Sumber Rujukan	
2. Penyerahhakan Karya Hak Cipta (Assignment of Copyright)	
3. Mendapatkan Keizinan Untuk Menggunakan Karya (Rights Clearance)	
4. Hak-hak Pemegang Taruh	
5. Kontrak	
D. PENJANAAN PENDAPATAN	21 - 24
1. Royalti	
2. Pelesenan	
3. Organisasi Pengurusan Kolektif	

E. PENGUATKUASAAN TERHADAP PELANGGARAN HAK CIPTA DAN REMEDI BERKAITAN	25 - 28
1. Pelanggaran Hak Cipta	
2. Badan Penguat Kuasa	
3. Tindakan dan Remedi Yang Boleh Diambil	
F. URUSAN WAJAR (FAIR DEALING)	29 - 33
1. Maksud Urusan Wajar (Fair Dealing)	
2. 3 Steps Test	
3. Definisi Tujuan Pendidikan	
4. Punca Kuasa Pelepasan Hak Cipta Bagi Urusan Wajar	
5. Penggunaan di Perpustakaan/Pusat Maklumat/Akademik	
G. PENUTUP	35
H. RUJUKAN	37
I. LAMPIRAN	41
J. GLOSARI	51
SENARAI AHLI JAWATANKUASA	55

SEKAPUR SIRIH

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Sirih berlipat, sirih pinang, sirih dari pulau mutiara, pemanis kata selamat datang, awal bismillah pembuka bicara.

Perbukuan merupakan satu ekosistem penghasilan karya atau buku, sama ada sastera, asli, genre ilmiah, buku teks dan modul, jurnal, fiksyen, terjemahan, monograf atau dalam apa-apa format bahan. Semestinya, ekosistem ini mempunyai penciptanya yang juga kita kenal sebagai pengkarya, penulis dan pelbagai gelaran yang sinonim.

Komitmen dan usaha memperkuatkkan budaya membaca di kalangan rakyat Malaysia dan memperkasa industri perbukuan negara merupakan matlamat utama Urusetia Tetap Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM), Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan (BSTP), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Kami menyambut baik pembinaan Garis Panduan Hak Cipta Perbukuan yang mempunyai tujuan dan objektif yang jelas untuk melindungi hak para pemunya karya.

Garis Panduan Hak Cipta Perbukuan dibangunkan dengan mengambil kira perbincangan, tinjauan dan kajian yang turut melibatkan Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan pegawai-pegawai tertinggi Kementerian serta pemain-pemain utama dan penggiat dalam industri perbukuan negara.

Kami berharap agar Garis Panduan Hak Cipta Perbukuan ini menjadi rujukan utama ke arah meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat khususnya pemunya karya dalam hak cipta perbukuan dan bakal menggalakkan praktis pembayaran pelesenan untuk semua bahan berhak cipta sekaligus mengupayakan pelaksanaan berkesan dalam pembayaran royalti dan honorarium yang adil dan munasabah kepada semua pemunya karya.

Kami amat yakin melalui sokongan semua pihak berkepentingan dari dalam dan luar Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan memastikan Garis Panduan ini dikuatkuasakan ke arah meningkatkan kualiti hak cipta perbukuan negara.

Akhir kalam, kami seikhlasnya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan khususnya kepada Perpustakaan Negara Malaysia, barisan jawatankuasa serta semua yang terlibat dalam memperhalusi, menggarap dan memurnikan Garis Panduan Hak Cipta Perbukuan ini sehingga ia dapat direalisasikan. Segala kerjasama dan keprihatinan semua amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Aniza binti Kamarulzaman
Pengarah Bahagian
Sumber dan Teknologi Pendidikan

SEULAS PINANG

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

Bismillahirrahmanirrahim

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah Subhanahuwataala dengan limpah rahmatNya kita berjaya menerbitkan buku Garis Panduan Hak Cipta Perbukuan.

Garis panduan yang terhasil ini bertujuan untuk memberi penerangan dan penjelasan berkenaan hak cipta yang digariskan di bawah Akta Hak Cipta 1987 (Akta 332) dan ianya terpakai seluruh Malaysia. Objektifnya sangat jelas yang merangkumi penjelasan bagi meningkatkan kualiti hak cipta perbukuan, kefahaman akan perlindungan dan pengurusan hak cipta, pemantauan pelanggaran aktiviti cetak semula, pembayaran pelesenan serta pembayaran royalti dan honorarium.

Saya berharap penerbitan ini dapat dimanfaatkan oleh semua pemain industri perbukuan negara agar industri ini terus gemilang dalam dunia yang makin mencabar dan berdaya saing.

Penutup kalam, setinggi penghargaan dan syabas kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung bertungkus lumus untuk menjadikan naskhah ini suatu realiti.

Sekian, terima kasih.

Salasiah binti Abdul Wahab
Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia

A

PENGENALAN

1. Tujuan
2. Objektif
3. Takat Pemakaian
4. Tafsiran



1. Tujuan

- 1.1 Garis Panduan ini bertujuan untuk memberi penerangan dan penjelasan berkenaan hak cipta perbukuan yang digariskan di bawah Akta Hak Cipta 1987 (Akta 332). Garis panduan ini boleh dinamakan Garis Panduan Hak Cipta Perbukuan dan hendaklah berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Kabinet.
- 1.2 Garis Panduan ini terpakai di seluruh Malaysia.

2. Objektif

Objektif Garis Panduan Hak Cipta Perbukuan adalah seperti berikut:

- (a) Memberi panduan bagi menerangkan peruntukan di bawah Akta Hak Cipta 1987 (Akta 332) termasuk (Peruntukan Am, Kuasa dan Jangka Masa Hak Cipta, Pemunyaan dan Penyerahhakan Hak Cipta, Pelesenan Hak Cipta, Tribunal Hak Cipta, Remedi bagi Pelanggaran dan Kesalahan, Anti Rakaman Kamera, Kesalahan Penstriman Haram dan Penguatuasaan);
- (b) Meningkatkan kualiti hak cipta perbukuan;
- (c) Meningkatkan kesedaran dan kefahaman akan perlindungan dan pengurusan hak cipta perbukuan;
- (d) Menggalakkan pemantauan pelanggaran aktiviti cetak semula;
- (e) Menggalakkan praktis pembayaran pelesenan untuk semua bahan berhak cipta; dan
- (f) Meningkatkan kesedaran ke arah pembayaran (royalti) dan honorarium yang adil dan munasabah.

3. Takat Pemakaian

- 3.1 Tertakluk kepada Garis Panduan ini yang dibuat di bawah seksyen 59A, Akta Hak Cipta 1987 (Akta 332), hendaklah

terpakai berhubungan dengan karya yang dibuat sebelum mula berkuat kuasanya Garis Panduan ini sebagaimana ia terpakai berhubungan dengan karya yang dibuat selepas mula berkuat kuasanya Garis Panduan ini.

- 3.2 Dengan syarat bahawa Garis Panduan ini tidak boleh ditafsir sebagai menghidup semula mana-mana hak cipta yang telah tamat tempohnya sebelum mula berkuat kuasanya Garis Panduan ini.
 - 3.3 Jika hak cipta wujud dalam karya yang telah dibuat sebelum mula berkuat kuasanya Garis Panduan ini, tiada apa-apa jua yang dilakukan sebelum mula berkuat kuasanya Garis Panduan ini boleh dikira sebagai telah melanggar hak cipta itu.
 - 3.4 Sesuatu karya yang pembuatannya berlanjutan hingga suatu tempoh masa tidak boleh disifatkan sebagai telah dibuat sebelum mula berkuat kuasanya Garis Panduan ini melainkan jika penghasilan karya itu disempurnakan sebelum berkuat kuasanya Garis Panduan ini.

4. Tafsiran

Dalam Garis Panduan ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain –

“aktivis perbukuan” ertinya orang yang melibatkan diri dalam kegiatan perbukuan atau perjuangan secara aktif dan agresif.

“hak cipta” ertinya hak cipta di bawah Akta Hak Cipta 1987 (Akta 332) dan Garis Panduan ini.

“harta intelek” ertinya ciptaan yang diperoleh dari akal fikiran termasuk hasil kerja apa-apa harta industri termasuk paten, cap dagang, reka bentuk perindustrian, reka bentuk susun atur litar bersepadu, petunjuk

“pelanggaran hak cipta”	geografi dan juga hak cipta meliputi karya sastera, muzik, seni, rakaman bunyi, filem, <i>derivative</i> dan penyiaran.
“pemantauan”	ertinya menggunakan mana-mana karya berhak cipta tanpa kebenaran daripada pencipta, pencipta karya dan pemilik hak cipta di bawah Akta Hak Cipta 1987(Akta 332).
“pemegang taruh”	ertinya aktiviti penguatkuasaan/ pengawalan terhadap pelanggaran hak cipta yang dilaksanakan secara berterusan.
“pencipta karya”	ertinya pihak berkepentingan dalam rantaian perbukuan iaitu pencipta, pustakawan, penerbit, penjual, pembaca, aktivis perbukuan, pembangun teknologi, agensi kerajaan dan swasta.
“perbukuan”	ertinya pencipta di bawah Akta Hak Cipta 1987 (Akta 332) dan Garis Panduan ini.
“perlindungan hak cipta”	ertinya ekosistem perbukuan. Ekosistem perbukuan ialah karya atau buku, sama ada sastera, karya asli (ilmiah/umum), genre ilmiah, buku teks dan modul, jurnal, ilmiah popular, fiksyen, terjemahan dan monograf; dan apa-apa format bahan.
	ertinya melindungi hak eksklusif yang diberikan oleh undang-undang dalam tempoh masa tertentu kepada pencipta karya.

“pengurusan hak cipta”	ertinya merangkumi perakuan bertulis pengguna hak cipta, pelepasan hak cipta, hak-hak pemegang taruh, karya terjemahan dan kontrak di bawah Garis Panduan ini.
“penjanaan pendapatan”	ertinya pelesenan, royalti dan honorarium yang berkait dengan pembayaran pihak-pihak yang terlibat.
“Triti Marrakesh”	ertinya satu triti yang dibuat untuk memudahkan akses kepada karya yang telah diterbitkan bagi Orang yang Buta, Kurang Penglihatan, atau Ketidakupayaan Cetakan selainnya yang dibuat di Marrakesh pada 27 Jun 2013 dan dikuatkuasakan melalui Akta Hak Cipta 1987 pada 30 Mac 2022.
“urusan wajar”	ertinya melakukan perlakuan atau suatu perbuatan yang merupakan hak eksklusif pemilik hak cipta tanpa mendapat kebenaran daripada pemilik tersebut, melakukannya kerana tujuan-tujuan tertentu yang dibenarkan seperti penyelidikan atau pengajian persendirian yang bukan mencari keuntungan, kritikan, ulasan atau pelaporan peristiwa semasa.

B

PERLINDUNGAN HAK CIPTA

1. Definisi Hak Cipta
2. Kepentingan Hak Cipta
3. Pemunya Hak Cipta
4. Jangka Masa Perlindungan Hak Cipta
5. Pembuktian Hak Cipta



1. Definisi Hak Cipta

Hak Cipta adalah hak eksklusif yang diberikan oleh undang-undang untuk tempoh masa tertentu kepada pencipta karya untuk mengawal penggunaan karya mereka. Perlindungan hak cipta di Malaysia adalah berasaskan kepada Akta Hak Cipta 1987 (Akta 332).

Secara umum, hak cipta bertujuan untuk melindungi pencipta daripada pengeluaran semula hasil karyanya tanpa kebenaran.

2. Kepentingan Hak Cipta

- 2.1 Melindungi hak karya pencipta dan pelaku.
- 2.2 Melindungi hak ekonomi dan hak moral pencipta dan pelaku.
- 2.3 Melindungi hak-hak penerbit karya seni dan sastera dalam pelbagai bentuk.

3. Pemunya Hak Cipta

3.1 Hak Perundangan

Pencipta, pemilik hak cipta dan pelaku diberikan hak eksklusif untuk mengawal di bawah undang-undang hak cipta. Hak perundangan yang diberikan kepada mereka termasuk hak untuk menguatkuasakan karya berhak cipta mereka dalam kes-kes pelanggaran sama ada melalui tindakan sivil atau jenayah. Dari segi pelakuan jenayah, ia dikuatkuasakan oleh Bahagian Penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) atau Polis Diraja Malaysia (PDRM).

3.2 Hak Ekonomi

Hak ekonomi yang diberikan kepada pemunya hak termasuk hak pengeluaran semula, hak penyampaian kepada orang ramai, hak untuk pertunjukan, tayangan atau permainan kepada awam, hak pengedaran dan hak sewa komersial.

Hak ini boleh dilaksanakan dalam tempoh perlindungan yang dikawal di bawah Akta Hak Cipta 1987 (Akta 332). Hak ekonomi membolehkan pemilik hak untuk memperoleh ganjaran kewangan daripada penggunaan karya-karya beliau oleh pengguna untuk tujuan komersial. Hak ekonomi boleh diperoleh melalui penyerahan hak, pelesenan dan wasiat.

3.3 Hak Moral

Merujuk kepada Seksyen 25, Akta Hak Cipta 1987 (Akta 332)

3.3.1 Hak Paterniti

Hak ini membolehkan pencipta untuk dikenali dan menuntut keaslian ciptaan mereka dikekalkan.

3.3.2 Hak Integriti

Hak ini membenarkan pencipta untuk menghalang mana-mana pengguna dari penyelewengan, pencacatan atau pengubahsuaian yang lain ke atas kerja-kerja beliau di mana hasil daripada pengubahsuaian yang ketara akan mengubah kerja asal dan menjaskannya kehormatan atau reputasi pencipta.

4. Jangka Masa Perlindungan Hak Cipta

4.1 Karya Sastera, Karya Muzik atau Karya Seni

Hak cipta mengenai mana-mana karya sastera, muzik atau seni wujud semasa hayat pencipta dan hendaklah terus wujud sehingga habis tempoh lima puluh (50) tahun selepas kematianya.

4.2 Filem, Rakaman Bunyi dan Pelaku

Hak cipta hendaklah wujud selama lima puluh (50) tahun dari karya itu diterbitkan, dibuat penetapan untuk karya filem dan rakaman bunyi. Bagi pelaku, hak cipta itu hendaklah wujud daripada persembahan dilakukan atau penetapan dalam rakaman bunyi.

5. Pembuktian Hak Cipta

Hak Cipta sesuatu karya yang dihasilkan boleh dibuktikan oleh pencipta dengan kaedah mengemukakan dokumen atau saksi seperti berikut:

5.1 Kiriman Pos Manuskip Asal

Manuskip asal pencipta dimasukkan ke dalam sampul surat beralamat sendiri, berlakri dan dipos berdaftar. Apabila menerima sampul tersebut, pencipta tidak perlu membuka sampul sebaliknya disimpan di tempat yang selamat.

5.2 Penyimpanan Draf Asal

Draf asal karya sama ada ditulis tangan atau ditaip disimpan dengan selamat sebagai bukti pencipta itu sendiri yang menghasilkan karya tersebut.

5.3 Simpanan Fail Peribadi

Salinan asal karya yang telah terhasil, perlu disimpan oleh pencipta ke dalam fail peribadinya. Salinan asal tersebut juga boleh dihantar ke e-mel peribadinya untuk rujukan tarikh.

5.4 Simbol Hak Cipta

Simbol hak cipta boleh diletakkan di muka surat hak cipta (verso page) sebagai bukti hak cipta.

Contoh: © Zamri Mohammad, 2022.

5.5 Surat Akuan Bersumpah

Pencipta boleh menyediakan surat akuan bersumpah yang menyatakan karya tersebut adalah karya asli pencipta dengan melampirkan bersama salinan karya tersebut.

5.6 Pendaftaran ISBN/ISSN dan CIP

Pencipta boleh mendapatkan *International Standard Book Number*(ISBN), *International Standard Serial Number*(ISSN) dan Pengkatalogan dalam Penerbitan ataupun *Catalogue in Publication* (CIP) dari Perpustakaan Negara Malaysia. ISBN dan ISSN adalah merupakan nombor pengenalan yang mengandungi kod nombor mewakili negara, penerbit dan bilangan buku yang diterbitkan. Tarikh pendaftaran dan permohonan ISBN/ISSN adalah penting sebagai pembuktian hak milik pencipta.

5.7 Pemberitahuan Sukarela Hak Cipta

Pemilik hak cipta boleh menggunakan Pemberitahuan Sukarela Hak Cipta sebagai suatu keterangan *prima facie* dalam membuktikan keempunyaan karya berhak cipta masing-masing. Pemberitahuan Sukarela Hak Cipta juga adalah penambahbaikan kepada sistem perlindungan hak cipta sedia ada di Malaysia di mana pemberitahuan karya hak cipta disimpan di dalam Daftar Hak Cipta di Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO).

C

PENGURUSAN HAK CIPTA

1. Sumber Rujukan
2. Penyerahhakan Karya Hak Cipta (Assignment of Copyright)
3. Mendapatkan Keizinan Untuk Menggunakan Karya (Rights Clearance)
4. Hak-hak Pemegang Taruh
5. Kontrak



1. Sumber Rujukan

Pencipta perlu diberikan kredit oleh pengguna yang menggunakan atau mengambil maklumat yang telah dibuat oleh pencipta tersebut. Satu perakuan bertulis (acknowledgement) perlu disediakan oleh pengguna yang menggunakan maklumat seperti:

- (a) Judul Bahan;
- (b) Pengarang/Penerbit;
- (c) Tahun Terbitan; dan
- (d) Muka surat (petikan/ayat yang diambil).

Merujuk kepada Akta Hak Cipta 1987 (Akta 332), Seksyen 13(2)

“(m) penggunaan petikan dari karya yang sudah diterbitkan jika petikan itu bersetujuan dengan amalan yang wajar dan dibuat setakat yang berpatutan dengan maksudnya, termasuk petikan dari artikel surat khabar dan majalah berkala dalam bentuk ringkasan akhbar.

Dengan syarat bahawa sumbernya dan nama pencipta yang terdapat pada karya yang digunakan itu disebut;”

2. Penyerahhakan Karya Hak Cipta (Assignment of Copyright)

Definisi

Penyerahhakan karya hak cipta merujuk kepada proses pemberian kesemua atau sebahagian (whole or substantial part of work) kepada seseorang untuk tujuan tertentu.

Proses penyerahhakan boleh berlaku apabila pemilik hak cipta menjual, melesenkan atau mewasiatkan karya mereka kepada orang lain.

Lazimnya, proses penyerahhakan berlaku melalui perjanjian secara bertulis yang menyatakan terma penyerahhakan dan terma pemberian hak kepada pihak lain.

3. Mendapatkan Keizinan Untuk Menggunakan Karya (Rights Clearance)

Sebelum seseorang boleh menggunakan karya hak cipta, pengguna atau pihak yang berhasrat menggunakan karya hak cipta hendaklah mendapatkan keizinan untuk menggunakan karya bagi tujuan tertentu seperti terjemahan dan format yang berbeza. Proses ini disebut sebagai *rights clearance* di mana secara lazimnya pengguna perlu memeterai keizinan bagi setiap penggunaan melalui perjanjian kontrak bagi transaksi penggunaan secara *one-off* atau perjanjian pelesenan antara pemilik hak cipta bersama pihak ketiga yang ingin mengguna, menerbit atau mengubah suai kandungan tersebut secara sah mengikut undang-undang.

Pihak pemilik hak cipta akan memberikan keizinan tersebut di mana pemilik akan memberikan hak kepada pengguna bagi tempoh tertentu dengan terma bayaran atau apa-apa bentuk transaksi kewangan sebagai balasan atau pampasan.

4. Hak-hak Pemegang Taruh

4.1 Pencipta

Individu yang menghasilkan karya asli. Mendapat perlindungan karya tempatan yang diterbitkan dalam negara.

Pengurusan hak cipta yang lebih efektif bagi merangkaikan potensi harta intelek dan kemudahan pelesenan dalam negara dan luar negara.

Harta intelek yang dikomersialkan bagi tujuan keuntungan membolehkan penciptaan mendapat imbuhan dalam bentuk royalti, sagu hati, honorarium atau pun bayaran sekali gus (*lump sum*) atau diberikan tanpa sebarang pembayaran dengan persetujuan pencipta.

Hak moral dipelihara bagi mengiktiraf penciptaan karya dalam keadaan pencipta masih atau tidak lagi memegang hak cipta tersebut.

4.2 Penerbit

Entiti yang menerbitkan kandungan bagi tujuan berasaskan keuntungan. Penerbit mengambil kira pemeliharaan dan pengurusan hak cipta berdasarkan Akta Hak Cipta (Pindaan) 1997 yang menjaga hak ekonomi dan hak moral pengkarya secara bersama.

Penerbit bersikap fleksibel dalam keperluan mereka memilih dan membangunkan mana-mana bentuk harta intelek yang dibentuk daripada karya asal.

Penerbit diberikan hak eksklusif penerbitan pada satu tempoh tertentu berdasarkan persetujuan daripada pengkarya asal. Sebarang potensi komersial melalui perundingan dalam dan luar negara adalah dalam pengetahuan pengkarya asal.

Sebarang perubahan dan pindaan daripada persetujuan asal mesti melibatkan perundingan bersama dan dalam pengetahuan pengkarya asal.

4.3 Penjual

Mereka yang menerima satu bentuk keuntungan daripada jual beli harta intelek yang dihasilkan secara fizikal seperti buku atau pun digital.

Keuntungan yang diperoleh berdasarkan pengiraan yang dianggap munasabah dalam proses jual beli.

Penjual sedaya upaya menjual menggunakan daya kreativiti bagi mencipta permintaan dalam pasaran tanpa menjelaskan hak ekonomi dan hak moral pencipta.

4.4 Pembaca

Individu yang memiliki buku secara pembelian, penyewaan, pinjaman atau pemberian daripada pihak lain.

Pembaca menggunakan buku bagi mendapatkan manfaat secara langsung dan tak langsung sama ada secara individu maupun berkumpulan.

Pembaca bebas mengalihkan kepemilikan karya fizikal kepada orang lain secara sumbangan, pemberian, hadiah atau dijual sebagai buku terpakai dalam keadaan tidak menimbulkan persaingan yang menjelaskan hak ekonomi pencipta.

4.5 Aktivis perbukuan

Penggerak aktiviti yang memfokuskan kepada pembinaan masyarakat menggunakan buku yang dihasilkan. Ia digerakkan secara sukarela oleh individu maupun berkumpulan.

Aktiviti memasyarakatkan buku oleh aktivis menggunakan kandungan yang diterbitkan bagi tujuan bukan keuntungan dan dibuat bagi menggalakkan pembinaan minat membaca.

Aktivis perbukuan boleh mengubah suai naskhah cetak menjadi pelbagai bentuk lain selagi mana ia digunakan atas tujuan galakan membaca tanpa apa-apa unsur melibatkan keuntungan dan dimaklumkan kepada pihak penerbit asal.

4.6 Pembangun Teknologi

Kumpulan yang memberi bentuk kepada kandungan sama ada dalam bentuk cetak ataupun digital bagi apa-apa tujuan yang kembali kepada penggunaan umum secara komersial dan bukan keuntungan.

Pembangun Teknologi menghormati tempoh masa penggunaan yang disepakati dan mencapai persetujuan ke atas transaksi nilai yang mahu dicapai sama ada dalam bentuk kewangan ataupun pembinaan data pembaca melalui karya yang dibentuk secara fizikal dan digital.

Kemas kini buku cetak ataupun dalam naskhah digital mesti dalam pengetahuan pemilik karya asal.

5. Kontrak

5.1 Perjanjian Pelesenan dan Penerbitan

Perjanjian Pelesenan dan Penerbitan adalah kontrak yang ditandatangani antara penerbit dan pencipta (ataupun wakil pencipta), sebagai persetujuan untuk bekerjasama dalam penerbitan buku. Dalam erti kata lain, perjanjian penerbitan adalah bukti bertulis tentang kerjasama itu. Perjanjian penerbitan bertujuan melindungi hak pencipta dan penerbit.

Kontrak antara pencipta dan penerbit ini boleh disediakan dalam bentuk yang ringkas (satu halaman surat perjanjian) atau terperinci dengan frasa-frasa perundangan. Mengandungi ruangan untuk nama pencipta-pencipta dan syarat-syarat lain yang berubah antara seorang pencipta dengan pencipta yang lain. Susunan dan kandungan klausa dalam perjanjian berubah-ubah mengikut syarikat (Rujuk Lampiran I).

5.2 Hak Cipta Pencipta

Akta Hak Cipta 1987 (Akta 332) melindungi manuskrip asal pencipta sebagai harta intelek dan tamat selepas lima puluh (50) tahun kematian penciptanya. Karya yang telah tamat perlindungan hak cipta akan menjadi hak awam atau *public domain* dan boleh diterbitkan oleh mana-mana penerbit.

Mana-mana karya yang tidak diterbitkan semasa hayat pencipta, tempohnya adalah lima puluh (50) tahun dari tarikh penerbitan.

“Manuskrip asal” bermaksud hak cipta pencipta ke atas manuskrip yang ditulis atau dihasilkan oleh pencipta tanpa disunting dan disusun atur oleh penerbit.

5.3 Hak Penerbitan Untuk Penerbit

Hak penerbitan adalah lesen eksklusif bagi menerbitkan karya itu bagi satu tempoh yang diberikan kepada penerbit. Terma perjanjian adalah berbeza bagi setiap syarikat penerbitan (**Rujuk Lampiran I**).

5.4 Hak Pengedaran (Distribution of Materials)

- (a) Hak pengedaran diberikan kepada pemegang hak cipta hak eksklusif untuk menyediakan karya kepada umum melalui penjualan, penyewaan, pajakan atau pinjaman;
- (b) Hak ini membenarkan pemegang hak cipta menghalang pengedaran salinan karya yang tidak dibenarkan. Di samping itu, hak membenarkan pemegang hak cipta mengawal pengedaran pertama salinan tertentu yang dibenarkan;
- (c) Walau bagaimanapun, hak pengedaran dihadkan oleh “doktrin jualan pertama”, yang menyatakan bahawa selepas penjualan pertama atau pengedaran salinan, pemegang hak cipta tidak lagi boleh mengawal apa yang berlaku kepada salinan tersebut; dan
- (d) Oleh itu, selepas buku dibeli (jualan pertama salinan), pemegang hak cipta tidak mempunyai hak untuk bersuara mengenai cara salinan itu diedarkan selanjutnya. Justeru, buku itu boleh disewa atau dijual semula tanpa kebenaran pemegang hak cipta.

D

PENJANAAN PENDAPATAN

1. Royalti
2. Pelesenan
3. Organisasi Pengurusan Kolektif



1. Royalti

Royalti ialah sejumlah bayaran yang dikeluarkan penerbit kepada pencipta berdasarkan peratusan tertentu yang dipersetujui hasil dari karya yang berjaya dijual. Ia adalah sebagai balasan bagi hak-hak yang diberi oleh pencipta kepada penerbit.

2. Pelesenan

Pelesenan ialah perakuan yang diberi dengan sahnya secara bertulis, yang membenarkan perlakuan sesuatu perbuatan yang dikawal oleh hak cipta.

Hak-hak yang berkaitan pelesenan adalah seperti berikut:

- (a) Hak menerbitkan edisi kulit keras.
- (b) Hak menerbitkan edisi kulit lembut.
- (c) Hak menerbitkan edisi ringkasan.
- (d) Hak menerbitkan edisi e-buku.
- (e) Hak menerbitkan edisi-edisi terjemahan dan menyatakan dengan tepat ke dalam bahasa yang ingin diterjemah.
- (f) Hak menerbitkan edisi boleh dimuat turun (downloadable) melalui Internet.
- (g) Hak menerbitkan edisi buku audio.
- (h) Hak menerbitkan edisi braille.
- (i) Hak menerbitkan edisi buku bergambar.
- (j) Hak menerbitkan edisi buku komik.
- (k) Hak menerbitkan edisi bersiri dalam akhbar ataupun majalah.
- (l) Hak menerbitkan beberapa bab dalam internet sebagai bahan promosi.
- (m) Hak menerbitkan edisi buku digital dalam bentuk peranti genggam (hand-held devices).
- (n) Hak menerbitkan edisi adaptasi menjadi skrip animasi.

- (o) Hak menerbitkan edisi adaptasi menjadi skrip filem.
- (p) Hak menerbitkan edisi adaptasi menjadi skrip siri televisyen.
- (q) Hak menerbitkan edisi adaptasi menjadi skrip teater pentas.
- (r) Hak menerbitkan edisi adaptasi menjadi modul latihan.
- (s) Hak menerbitkan cerita-cerita “*sequal*” atau sambungan yang dihasilkan oleh pengarang lain.
- (t) Hak mendaftarkan judul buku ataupun nama-nama watak, ataupun wajah watak-watak dalam buku bagi tujuan pemerdagangan.
- (u) Hak menerbitkan semula edisi asal mengikut wilayah pemasaran.
- (v) Hak menerbitkan dalam apa jua format yang terbentuk mengikut perkembangan semasa.

3. Organisasi Pengurusan Kolektif

3.1 Organisasi Pengurusan Kolektif merupakan organisasi yang diberi mandat oleh pemunya hak cipta untuk menguruskan hak mereka melalui penggunaan karya-karya hak cipta oleh pengguna. Satu badan yang berfungsi sebagai Organisasi Pengurusan Kolektif di Malaysia adalah *Malaysia Reprographic Rights Centre* (MARC).

Organisasi Pengurusan Kolektif akan menguruskan urusan-urusan berikut:

- (a) pelesenan hak cipta;
- (b) membuat kutipan royalti ke atas pelesenan yang diberi;
- (c) membuat agihan royalti kepada pemunya hak cipta; dan
- (d) mengambil tindakan penguatkuasaan bagi pihak pemunya hak cipta berdasarkan hak yang diberi.

3.2 Organisasi Pengurusan Kolektif diberi mandat untuk:

- (a) bertindak sebagai perantara eksklusif untuk semua karya hak cipta yang tertakluk kepada penyalinan melalui komunikasi, fotokopi, penyimpanan dan pengambilan pangkalan data dan lain-lain bentuk reprografi termasuk percetakan dan fotokopi manual, digital dan elektronik;
- (b) berunding dan menetapkan tarif dengan agensi kerajaan dan swasta; dan
- (c) membangunkan dasar dan prosedur pengagihan berdasarkan ekuiti dan kecekapan dan menggunakan maklumat penggunaan yang diperoleh daripada pemantauan sebelum bayaran diedarkan kepada ahli-ahli MARC (Penerbit, Pencipta, Ilustrator).

E

PENGUATKUASAAN TERHADAP PELANGGARAN HAK CIPTA DAN REMEDI BERKAITAN

1. Pelanggaran Hak Cipta
2. Badan Penguat Kuasa
3. Tindakan dan Remedi yang Boleh Diambil



1. Pelanggaran Hak Cipta

1.1 Sesiapa yang menggunakan mana-mana karya berhak cipta tanpa kebenaran daripada pencipta, pemilik hak cipta dan pelaku adalah merupakan suatu pelanggaran di bawah Seksyen 36, Akta Hak Cipta 1987 (Akta 332).

Pelanggaran hak cipta pada lazimnya berlaku apabila seseorang melakukan tindakan seperti menciplak, mengguna, mengedar, menyewakan atau menjual sesuatu karya hak cipta tanpa kebenaran ataupun lesen daripada pemilik hak cipta tersebut dalam bentuk fizikal dan digital.

1.2 Antara perbuatan pelanggaran hak cipta termasuklah:

- (a) pengeluaran semula apa-apa karya berhak cipta dalam apa-apa bentuk bahan melalui tayangan, pertunjukan permainan atau pengedaran kepada orang awam;
- (b) pengimportan salinan langgaran karya-karya berhak cipta ke negara Malaysia untuk selain daripada kegunaan persendirian yang dibenarkan;
- (c) pembuatan salinan langgaran karya-karya berhak cipta untuk tujuan jualan atau sewaan kepada awam;
- (d) penjualan, penyewaan dan pengedaran apa-apa salinan langgaran karya-karya berhak cipta dengan cara perdagangan, mendedahkan dan menawarkan untuk jualan atau sewaan;
- (e) memiliki salinan langgaran untuk tujuan perdagangan selain daripada kegunaan persendirian yang dibenarkan; dan
- (f) membuat pameran salinan langgaran karya-karya berhak cipta untuk tujuan perdagangan kepada orang awam.

2. Badan Penguat Kuasa

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)

KPDN menguatkuasakan Akta Hak Cipta 1987 (Akta 332) dengan mengambil tindakan melalui aduan-aduan yang dikemukakan oleh pemilik hak cipta atau wakil pemilik hak cipta yang diberi kuasa oleh pemilik hak cipta. Pegawai Penguat Kuasa di KPDN telah dilantik secara perundangan di bawah Seksyen 5(2) Akta Hak Cipta 1987 (Akta 332) sebagai Timbalan Pengawal dan juga Penolong Pengawal bagi tujuan menguatkuasakan akta tersebut.

3. Tindakan dan Remedi yang Boleh Diambil

Tindakan yang terbaik adalah tindakan melalui saman di mahkamah. Apabila pemilik karya hak cipta mengambil tindakan di mahkamah terhadap individu yang melanggar hak cipta tersebut. Antara remedii yang boleh dituntut daripada individu tersebut adalah seperti berikut:

3.1 Perintah Injunksi

Ia merupakan satu perintah khas oleh mahkamah yang menghalang suatu pihak daripada terus melakukan sesuatu tindakan. Ianya turut termasuk perintah khas agar sesuatu tindakan dijalankan oleh pihak tersebut.

3.2 Ganti Rugi

Merupakan bayaran pampasan yang perlu dibayar oleh individu yang melanggar hak cipta kepada pemilik karya.

3.3 Akaun Keuntungan

Adalah sejenis ganti rugi yang boleh dituntut apabila pihak yang melanggar hak cipta telah mengaut keuntungan daripada perlanggaran hak cipta tersebut. Ini membolehkan

pemilik hak cipta mendapatkan kesemua keuntungan yang telah dibuat melalui penjualan atau penyewaan karya hak cipta daripada pihak yang melanggar hak cipta tersebut.

3.4 Ganti Rugi Statutori

Adalah ganti rugi statutori wajib yang perlu dibayar oleh pihak yang melanggar hak cipta tersebut. Pihak yang melanggar hak cipta boleh dikenakan kedua-dua ganti rugi dan ganti rugi wajib jika didapati melanggar hak cipta.

3.5 Apa-apa Perintah yang Difikir Bersesuaian oleh Mahkamah

Perintah yang difikirkan sesuai oleh mahkamah bermaksud apa-apa perintah selain daripada remedi-remedi yang dinyatakan di atas.

F

URUSAN WAJAR (FAIR DEALING)

1. Maksud Urusan Wajar (Fair Dealing)
2. 3 Steps Test
3. Definisi Tujuan Pendidikan
4. Punca Kuasa Pelepasan Hak Cipta Bagi Urusan Wajar
5. Penggunaan di Perpustakaan/Pusat Maklumat/Akademik



1. Maksud Urusan Wajar (Fair Dealing)

Dalam keadaan tertentu sesuatu perbuatan yang boleh menjadi pelanggaran hak cipta akan dikecualikan daripada pelanggaran sekiranya ia termasuk dalam senarai seksyen 13(2) Akta Hak Cipta 1987 (Akta 332). Terdapat beberapa pengecualian yang diberi. Walau bagaimanapun pengecualian yang pertama iaitu pengecualian di atas urusan yang wajar selalu digunakan bagi mempertahankan diri sekiranya tindakan pelanggaran diambil ke atas seseorang.

Urusan wajar di sini bermaksud sekiranya seseorang melakukan perlakuan atau suatu perbuatan yang merupakan hak eksklusif pemilik hak cipta tanpa mendapat kebenaran daripada pemilik tersebut, melakukannya kerana tujuan pendidikan atau penyelidikan yang bukan mencari keuntungan, pengajian persendirian, kritikan, ulasan atau pelaporan peristiwa semasa. Walau bagaimanapun, jika ia digunakan untuk tujuan awam ia hendaklah disertai dengan perakuan mengenai tajuk dan penciptanya.

2. 3 Steps Test

2.1 *3 steps test* adalah parameter yang digunakan untuk menentukan sama ada pengecualian terpakai kepada suatu Hak Cipta yang diambil dari Konvensyen Berne. Konvensyen Berne merujuk perkara perlindungan karya dan hak pengarang berdasarkan kepada tiga (3) prinsip asas dan mengandungi beberapa siri peruntukan yang menentukan perlindungan minimum yang akan diberikan serta peruntukan khas kepada negara membangun untuk menggunakan.

2.2 Tiga (3) prinsip asas tersebut adalah seperti berikut:

- (a) had dan pengecualian tidak boleh digunakan terlalu luas, hanya untuk kes khas tertentu sahaja;

- (b) had dan pengecualian tidak boleh bercanggah dengan cara suatu karya itu digunakan atau dieksplotasi contohnya seperti merampas hak sumber pendapatan sebenar seseorang pencipta (pengkarya); dan
- (c) had dan pengecualian tidak boleh memprejudiskan hak kepentingan seperti melakukan kemudaratuan yang tidak seimbang kepada pemunya hak cipta.

3. Definisi Tujuan Pendidikan

Tujuan pendidikan, ditakrifkan sebagai sebarang penggunaan Harta Intelek yang bukan bersifat komersial dan tidak berdasarkan keuntungan. Pencipta karya tidak boleh menguatkuasakan hak eksklusif untuk mengawal karyanya dalam keadaan-keadaan seperti berikut:

- (a) karyanya digunakan untuk tujuan kajian, pembelajaran peribadi, kritikan, ulasan dan untuk tujuan penyampaian berita atau isu semasa selama mana ianya dibuat menerusi urusan yang adil (fair dealing) dan tajuk karya serta penciptanya disebut;
- (b) karyanya digunakan dalam bentuk ilustrasi yang digunakan untuk tujuan pengajaran (teaching);
- (c) karyanya digunakan untuk tujuan peperiksaan (examination) sama ada sebagai soalan atau jawapan;
- (d) pengeluaran semula sesuatu siaran di sekolah dan di universiti terhadap apa-apa siaran yang ditujukan untuk sekolah dan universiti itu sendiri;
- (e) karyanya dibuat dan dikeluarkan ke dalam suatu bentuk salinan format boleh akses (accessible format) untuk kegunaan orang dengan ketidakupayaan cetakan melalui entiti yang diberi kuasa atau orang yang bertindak bagi orang dengan ketidakupayaan cetakan (caregiver); dan
- (f) karyanya digunakan oleh Arkib Negara atau Perpustakaan Negara/Negeri atas arahan Kerajaan selama mana ianya

tidak berdasarkan keuntungan dan tiada bayaran dikenakan untuk karya tersebut dipamerkan kepada orang awam.

4. Punca Kuasa Pelepasan Hak Cipta Bagi Urusan Wajar

Punca kuasa pelepasan hak cipta bagi urusan wajar dikawal selia di bawah Akta Hak Cipta 1987 (Akta 332), Seksyen 13(2) (a), (i) dan (m), Seksyen 13(2A), dan Seksyen 9(4), (5) (**Rujuk Lampiran II**).

5. Penggunaan di Perpustakaan/Pusat Maklumat/Akademik

- 5.1 Penggunaan adalah terhad kepada pengguna tertentu atau khusus dan melihat kepada tujuan penggunaan bahan di perpustakaan/pusat maklumat/akademik. Di antara tujuan yang dibenarkan adalah bagi tujuan kajian atau penyelidikan persendirian, kritikan, berita, parodi dan lawak jenaka.

- 5.2 Setiap penggunaan maklumat atau bahan di perpustakaan/ pusat maklumat/akademik perlu melihat kepada tujuan ia digunakan seperti berikut:
 - (a) sama ada bersifat komersil atau menghasilkan keuntungan;
 - (b) watak sama ada penggunaan baharu atau transformatif;
 - (c) keaslian penggunaan maklumat sama ada diubah suai atau asli;
 - (d) jumlah bahan tersebut digunakan;
 - (e) penggunaan bahan tersebut memberi kesan kepada orang awam untuk berhenti membuat pembelian; dan
 - (f) alternatif lain bagi penggunaan bahan tersebut.

5.3 Penggunaan yang wajar merangkumi perkara-perkara berikut:

Merujuk kepada *International Federation of Library Association and Institutions* (IFLA), perpustakaan hanya dibenarkan untuk membuat:

- (a) salinan petikan pendek daripada jurnal dalam kadar tertentu bagi penyelidik iaitu tidak melebihi atau kurang daripada 10% bagi artikel jurnal;
- (b) atau tidak melebihi satu (1) bab daripada buku bagi tujuan pembelajaran. Manakala dari segi penyelidikan pula, hanya dibolehkan untuk membuat salinan satu (1) artikel daripada jurnal atau pun tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada buku;
- (c) menggunakan teks bagi perlombongan data (data mining) untuk penyelidik. Perlombongan data ialah penggunaan teknik analisis secara automatik bagi menganalisis teks dan data bagi mendapatkan corak, arah aliran dan maklumat berguna yang lain. Perlombongan data biasanya memerlukan penyalinan kerja untuk dianalisis.

Pengecualian kepada hak cipta membenarkan penyelidik membuat salinan mana-mana bahan hak cipta untuk tujuan analisis data sekiranya penyelidik telah mendapat kebenaran atau akses yang sah bagi tujuan perlombongan teks dan data bagi penyelidikan yang tidak bersifat komersial.

Walau bagaimanapun penyelidik masih perlu melanggan untuk mendapatkan akses bahan daripada pelbagai sumber akademik yang lain;

- (d) pendigitalan bagi tujuan pemeliharaan bahan yang berisiko rosak/usang dan mempunyai nilai tinggi; dan
- (e) pendigitalan bagi penggunaan bahan oleh orang dengan ketidakupayaan cetakan iaitu orang yang buta atau cacat penglihatan.

G

PENUTUP



Garis Panduan ini mengandungi perkara-perkara asas berkaitan perlindungan dan pengurusan hak cipta, penjanaan pendapatan, penguatkuasaan terhadap pelanggaran hak cipta dan remedi berkaitan dengan urusan wajar hak cipta perbukuan. Pelaksanaan Garis Panduan ini diharap dapat memastikan perancangan dan pelaksanaan hal-hal berkaitan dengan hak cipta perbukuan dapat berjalan dengan lancar dan sistematik. Dokumen ini hendaklah dibaca bersama dengan dokumen Akta Hak Cipta 1987 (Akta 332), Konvensyen Berne dan lain-lain dokumen yang berkaitan.

H

RUJUKAN



- Berkman Center for Internet and Society. (2012). *Copyright for librarians: The essentials hand books*. Electronic Information for Libraries.
https://www.eifl.net/system/files/resources/201408/cfl_book_download.pdf
- Courtney, K., & Hansen, D. (2018). *A white paper on controlled digital lending of library books*.
<https://osf.io/preprints/lawarxiv/7fdyr/>
- Forsgren Fisher. (2022). *Rights granted under copyright law*.
<https://www.bitlaw.com/copyright/scope.html#reproduction>
- Hamedи Mohd Adnan. (2008). *Memahami penerbitan buku*. Medium Publications.
- Intellectual Property Office. (2014). *Guidance exceptions to copyright*.
<https://www.gov.uk/guidance/exceptions-to-copyright>
- International Federation of Library Associations and Institutions. (2018). *Fair use and fair dealing for libraries*. International Federation of Library Associations and Institutions (IFLA).
<https://repository.ifla.org/handle/123456789/447>
- Kementerian Perdagangan dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup. (2022). *Portal rasmi Kementerian Perdagangan dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup*
<https://www.kpdn.gov.my/ms/>
- Lembaga Penyelidikan Undang-Undang. (2013). *Akta Hak Cipta 1987 (AKTA 332)*. International Law Book Services.
<https://www.myipo.gov.my/ms/akta-hak-cipta-1987/>
- Malaysia Reprographic Rights Centre. (2023). *About MARC*. <https://mymarc.org/about-marc/>
- Media Baharu. (2022). *MARC organisasi pengurusan kolektif mewakili karya sastera, seni, imej dan ilustrasi*. Berita RTM.
<https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/45341-marc-organisasi-pengurusan-kolektif-mewakili-karya-sastera-seni-imej-dan-ilustrasi>
- Mezei, P., Hajdú, D., & Capote-Pérez, L.-J. (2018). *Introduction to Digital Copyright Law*. Iurisperitus Kiadó.
https://books.google.com/books/about/Introduction_to_Digital_Copyright_Law.html?id=lsTkvQEACAAJ

Nisah Haron. (2010). *Karya kita hak kita untuk semua: Panduan hak cipta*. Al-Ameen Serve Holdings.

Nor Hafeez Law. (2020). *Apa Itu Hakcipta? memahami hakcipta menerusi panduan Akta Hakcipta (1987): Bahagian 1*
<https://www.norhafeezlaw.com/2020/11/apa-itu-hakcipta.html>

Pengisytiharan Malaysia Reprographic Rights Centre Berhad (MARC) sebagai organisasi pengurusan kolektif mewakili karya sastera, seni, imej dan ilustrasi. (2022). *Berita Harian*.
<https://beritaharian.my/pengisytiharan-malaysia-reprographic-rights-centre-berhad-marc-sebagai-organisasi-pengurusan-kolektif-mewakili-karya-sastera-seni-imej-dan-ilustrasi/>


Perbadanan Harta Intelek Malaysia. (2016). *Hak cipta*. <https://www.myipo.gov.my/ms/hak-cipta/>

Seeber, M., & Balkwill, R. (2007). *Managing intellectual property in the book publishing industry*. World Intellectual Property Organization.
<https://www.wipo.int/publications/en/details.jsp?id=255>

World Intellectual Property Organization. (2016). *Understanding copyright and related rights*. World Intellectual Property Organization.
<https://tind.wipo.int/record/28946>

World Intellectual Property Organization. (2021). *From paper to platform: Publishing, intellectual property and the digital revolution*. World Intellectual Property Organization.
<https://books.google.com.my/books?id=LtWcEAAAQBAJ>

World Intellectual Property Organization. (2023). *Summary of the Berne Convention for the protection of literary and artistic works (1886)*. World Intellectual Property Organization.
https://www.wipo.int/treaties/en/ip/berne/summary_berne.html



LAMPIRAN



Perkara Penting Perjanjian Penerbitan (Kontrak)

Perkara penting dalam perjanjian penerbitan yang perlu dititikberatkan oleh pencipta:

1. Kuat kuasa perjanjian

Perjanjian tersebut berkuat kuasa untuk manuskrip yang tersebut sahaja. Bermaksud satu perjanjian bagi satu manuskrip. Sebaliknya sekiranya pencipta bersetuju menandatangani satu perjanjian yang merangkumi beberapa buku sekali gus, maka perjanjian boleh ditandatangani.

2. Pelantikan wakil pencipta

Karya yang ditulis bersama dua ataupun lebih pencipta, salah seorang pencipta akan dilantik sebagai wakil. Peratusan pembahagian royalti seperti yang dipersetujui bersama oleh semua pencipta dimasukkan dalam perjanjian.

3. Tempoh masa perjanjian

Tempoh masa perjanjian adalah tempoh masa yang dipersetujui oleh kedua belah pihak iaitu pencipta dan penerbit dengan menyatakan jumlah tahun, tarikh bermula dan tarikh tamat perjanjian. Setelah tamat tempoh, perjanjian boleh diperbaharui tertakluk kepada persetujuan kedua belah pihak.

4. Klausula hak cipta dan hak penerbitan

Pencipta sebagai pemegang hak cipta sepanjang hayatnya dan lima puluh (50) tahun selepas kematiannya memberikan hak ciptanya (lesen eksklusif) kepada penerbit untuk menerbit dan mengedarkan karyanya mengikut batasan wilayah sama ada ke seluruh dunia atau ke kawasan tertentu dalam tempoh dan

dalam bentuk yang dipersetujui. Hak dan kuasa perundangan juga diberi oleh pencipta kepada penerbit untuk menerbit dan menjual sebahagian atau keseluruhan karya pencipta. Penerbit juga diberi hak untuk menjual subsidiari karya tersebut untuk majalah, akhbar, televisyen, filem dan sebagainya.

5. Lesen eksklusif

- (a) Menerbitkan dalam bentuk penerbitan bercetak/penerbitan elektronik dan lain-lain.
- (b) Hak meringkas, memperluaskan dan lain-lain.
- (c) Hak menterjemahkan dan lain-lain.

Memahami perkara-perkara yang terangkum dalam lesen eksklusif yang diberikan kepada penerbit adalah penting, sebagai contohnya lesen eksklusif yang diberikan adakah merangkumi hak untuk difilemkan. Sekiranya ada penerbit filem yang menghubungi pencipta dan berminat menerbitkan filem berdasarkan buku pencipta, pencipta perlu memaklumkan kepada penerbit buku. Ini kerana sebarang perjanjian sepatutnya antara penerbit filem dengan penerbit buku.

6. Royalti dan pembahagian royalti

Sebagai balasan bagi hak-hak yang diberi oleh pencipta kepada penerbit, penerbit pula bersetuju membayar royalti kepada pencipta mengikut kadar yang telah dipersetujui.

Di bawah ini adalah contoh kadar, tempoh dan sistem bayaran serta pembahagian royalti tersebut:

- (a) Kadar bayaran royalti yang perlu dibayar kepada pengarang/ pencipta dan ditentukan oleh penerbit.
- (b) Peratus (%) daripada jumlah pendapatan hasil keseluruhan jumlah buku terjual.
- (c) Kaedah pengiraan.

Contohnya berdasarkan harga jualan atau selepas ditolak diskaun.

- (i) $Y\% \times \text{harga jualan} \times \text{jumlah naskhah yang terjual}$
- (ii) $W\% \times \text{harga jualan} \times \text{jumlah naskhah yang terjual} \times \text{diskaun } 50\% \text{ (tolak kos)}$
- (d) Tempoh bayaran. Contoh:
Sama ada setahun sekali, tiga bulan sekali atau sebagainya.
- (e) Sistem bayaran
Kaedah pembayaran royalti yang dipersetujui dalam tempoh masa tertentu berdasarkan jumlah jualan pada tahun berkenaan.
- (f) Pembahagian royalti
Karya yang dihasilkan oleh lebih daripada seorang pencipta, pembayaran dibahagikan kepada semua pencipta dengan syer yang sama atau dengan apa-apa persetujuan yang lain oleh pencipta.

7. Pelanggaran Hak Cipta

Pelanggaran hak cipta pada lazimnya berlaku apabila seseorang melakukan tindakan seperti menciplak, mengguna, mengedor, menyewakan atau menjual sesuatu karya hak cipta tanpa kebenaran atau pun lesen daripada pemilik hak cipta tersebut. Tindakan undang-undang boleh dilakukan oleh pencipta atau penerbit atau kedua-duanya sekali. Kos perundangan yang terlibat akan ditanggung secara bersama atau satu-satu pihak sebagaimana dipersetujui.

8. Sinopsis/bab contoh

Syarat menyediakan sinopsis/bab contoh juga terdapat dalam sebahagian perjanjian. Tarikh penyerahan dinyatakan dengan jelas di dalam perjanjian dan kegagalan pencipta mematuhi tempoh yang ditetapkan oleh penerbit atau tidak memenuhi

syarat yang ditetapkan boleh memberikan hak kepada penerbit untuk menamatkan perjanjian.

9. Waranti atau jaminan pencipta

Kenyataan bahawa karya tersebut adalah kepunyaan khusus seorang pencipta dan bersetuju bahawa:

karyanya adalah asli, kepunyaan pencipta yang sebenar, tidak mengandungi unsur fitnah dan bertentangan undang-undang, mengandungi kenyataan dan fakta yang betul, dan pencipta akan bertanggungjawab terhadap sebarang kos perundungan atau ganti rugi yang timbul akibat dari karyanya.

10. Tarikh akhir penyerahan karya

Tarikh penyerahan terakhir karya yang siap kepada penerbit juga dinyatakan dengan jelas mengikut format dan spesifikasi tertentu yang dipersetujui.

11. Tanggungjawab pencipta dan penerbit

Memahami semua klausa berkaitan tanggungjawab pencipta dan penerbit seperti promosi, ganti rugi sekiranya melanggar perjanjian, kos penerbitan, naskhah percuma dan cenderahati, penyemakan edisi baharu, cetakan semula, stok lebihan, dan perkara-perkara lain yang berkaitan.

12. Penyemakan semula teks

Kenyataan bahawa pencipta bertanggungjawab menyunting dan menyemak semula karyanya bagi edisi baharu juga dimasukkan dalam perjanjian. Pencipta perlu membuat penambahan dalam karya tersebut jika dikehendaki penerbit dan pencipta akan menerima bayaran tambahan bagi penambahan tersebut.

13. Naskhah percuma

Kenyataan naskhah percuma sebanyak lima (5) atau enam (6) naskhah diberi kepada pencipta turut dimasukkan dalam perjanjian. Potongan harga istimewa sebanyak lima puluh peratus (50%) juga diberi oleh penerbit kepada pencipta bagi pembelian peribadinya dengan syarat tidak untuk dijual semula.

14. Tandatangan

Pencipta menandatangani perjanjian dengan persetujuan ke atas syarat-syarat atau klausa yang terkandung di dalam surat perjanjian tersebut sebanyak dua salinan iaitu bagi salinan penerbit dan salinan pencipta.

LAMPIRAN II**Punca kuasa pelepasan hak cipta bagi urusan wajar di bawah Akta Hak Cipta 1987 (Akta 332)**

Punca kuasa pelepasan hak cipta bagi urusan wajar dikawal selia di bawah Akta Hak Cipta 1987, Seksyen 13(2)(a), (i) dan (m), Seksyen 13(2A), dan Seksyen 9(4) dan (5).

Seksyen 13(2)

- (a) perlakuan mana-mana perbuatan yang tersebut dalam subseksyen (1) secara urusan yang wajar termasuk bagi maksud penyelidikan, pengajian persendirian, kritikan, ulasan atau pelaporan berita atau peristiwa semasa:

Dengan syarat bahawa ia disertai dengan suatu perakuan tajuk karya itu dan penciptaannya, kecuali jika karya itu berkaitan dengan pelaporan berita atau peristiwa semasa dengan cara suatu rakaman bunyi, filem atau siaran, maka perakuan tidak diperlukan.

Seksyen 13(2)

- (i) apa-apa penggunaan sesuatu karya dengan atau di bawah arahan atau kawalan Kerajaan, oleh Arkib Negara atau mana-mana Arkib Negeri, oleh Perpustakaan Negara atau mana-mana perpustakaan Negeri, atau oleh mana-mana perpustakaan awam dan institusi pelajaran, sains dan profesional sebagaimana ditetapkan oleh Menteri melalui perintah, jika penggunaan sedemikian adalah untuk kepentingan awam dan bersesuaian dengan amalan yang wajar dan peruntukan mana-mana peraturan, dan-
- (i) tiada keuntungan didapati daripadanya; dan
 - (ii) tiada bayaran masuk dikenakan bagi pertunjukan, tayangan atau permainan, jika ada, kepada awam karya yang digunakan sedemikian.

Seksyen 13(2)

(m) penggunaan petikan dari karya yang sudah diterbitkan jika petikan itu bersesuaian dengan amalan yang wajar dan dibuat setakat yang berpatutan dengan maksudnya, termasuk petikan dari artikel surat khabar dan majalah berkala dalam bentuk ringkasan akhbar.

Seksyen 13(2A)

(2A) Bagi maksud perenggan (2)(a), dalam menentukan sama ada sesuatu urusan itu merupakan suatu urusan yang wajar, faktor yang diambil kira hendaklah termasuk –

- (a) maksud dan sifat urusan itu, termasuk sama ada urusan itu bersifat komersial atau bagi maksud pendidikan yang bukan mencari keuntungan;
- (b) sifat karya yang mendapat hak cipta itu;
- (c) amaun dan banyaknya bahagian yang digunakan berhubungan dengan karya yang mendapat hak cipta itu secara keseluruhan; dan
- (d) kesan daripada urusan itu terhadap potensi pasaran bagi atau nilai karya yang mendapat hak cipta itu.

Seksyen 9

(4) Pengeluaran semula susunan tipografi suatu edisi yang diterbitkan bagi apa-apa maksud termasuk penyelidikan, pengajian sendirian, kritikan, ulasan atau pelaporan berita atau peristiwa semasa tidak melanggar hak cipta yang wujud menurut kuasa seksyen ini jika pengeluaran semula itu bersesuaian dengan urusan yang wajar:

Dengan syarat bahawa jika pengeluaran semula itu diumumkan kepada awam ia hendaklah disertai dengan suatu perakuan tajuk karya itu dan penciptaannya, kecuali jika karya itu dimasukkan secara sampingan dalam sesuatu siaran.

- (5) Kerajaan, Arkib Negara, atau mana-mana Arkib Negeri, Perpustakaan Negara, atau mana-mana perpustakaan Negeri, atau mana-mana perpustakaan awam dan institusi pelajaran, sains atau profesional sebagaimana ditetapkan oleh Menteri melalui perintah, boleh mengeluarkan semula susunan tipografi suatu edisi yang diterbitkan tanpa melanggar hak cipta yang wujud menurut kuasa seksyen ini jika pengeluaran semula itu adalah demi kepentingan awam dan bersesuaian dengan urusan yang wajar dan peruntukan mana-mana peraturan.

J

GLOSARI



- KPDN - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup mentadbir dan membangunkan Sistem Perlindungan Harta Intelek yang meliputi hak cipta, cap dagangan, paten dan rekabentuk perindustrian. Bahagian Penguatkuasa KPDN melindungi hak harta intelek di bawah Akta Hak Cipta 1987 bagi karya-karya yang layak mendapat perlindungan hak cipta termasuk karya sastera, filem, muzik, bunyi, seni dan siaran.
- MARC - Malaysia *Reprographic Rights Centre* adalah Badan Perlesenan Pungutan Royalti bagi memudahkan pemilik hak cipta untuk melesenkan karya pencipta, penerbit dan pencipta. MARC juga memudahkan proses pelesenan untuk bakal pengguna bahan hak cipta dan bertindak mengenal pasti pemilik hak cipta dan merundingkan lesen secara individu. Sekiranya terdapat pelanggaran dalam cetak semula yang melibatkan *secondary market*, MARC akan berunding dengan pihak tersebut untuk membayar yuran pelesenan. Jika tidak ada persetujuan maka Akta Hak Cipta 1987 (Akta 332) akan diguna pakai dan tindakan lanjut akan diambil.
- MBKM - Majlis Buku Kebangsaan Malaysia atau sebelum ini dikenali sebagai Majlis Kemajuan Buku Kebangsaan (MKBK) telah ditubuhkan pada tahun 1968, dengan matlamat memupuk budaya membaca dalam kalangan masyarakat Malaysia di samping menggalakkan pembangunan dan penggunaan buku di negara ini. Penubuhan Majlis ini juga berdasarkan kepada perakuan Pertubuhan Pelajaran, Sains

dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) yang menyarankan penubuhan sebuah badan khas yang bertanggungjawab untuk mengembangkan minat membaca dan memajukan perusahaan buku dalam kalangan negara-negara membangun. MBKM juga merupakan sebuah badan profesional dan penasihat peringkat kebangsaan yang dianggotai oleh badan-badan profesional yang ada hubungan dengan perusahaan dan kemajuan buku serta diwakili oleh beberapa buah badan kerajaan yang dilantik oleh Menteri Pendidikan Malaysia. Ahli-ahli Majlis dianggotai oleh 27 orang ahli terdiri daripada tujuh (7) orang Ketua Setiausaha Kementerian, tiga (3) orang Ketua Pengarah agensi kerajaan, tiga (3) orang Ketua Pengarah/Ketua Pegawai Eksekutif daripada badan berkanun, enam (6) orang Presiden persatuan industri serta tiga (3) orang ahli individu yang berkebolehan untuk memberi sumbangan terhadap peranan dan fungsi MBKM.

- MyIPO - Perbadanan Harta Intelek Malaysia telah ditubuhkan pada 3 Mac 2003 dengan berkuatkuasanya Akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2002. MyIPO adalah sebuah badan berkanun yang bertanggungjawab ke atas pentadbiran dan pembangunan sistem harta intelek serta bertindak sebagai agensi Kerajaan di bawah KPDN. MyIPO merupakan agensi tunggal yang menyediakan perkhidmatan pendaftaran harta intelek di Malaysia. MyIPO turut mengadakan program kesedaran mengenai kepentingan perlindungan harta intelek dan menyediakan latihan harta

intelek yang dikendalikan oleh Akademi Harta Intelek.

- PNM - Perpustakaan Negara Malaysia sebagai badan atau institusi kerajaan yang tidak mencari keuntungan dalam memberi perkhidmatan akses maklumat kepada masyarakat awam.

SENARAI AHLI JAWATANKUASA



AHLI JAWATANKUASA TEKNIKAL HAK CIPTA PERBUKUAN

Puan Aidatul Hasnida binti Abdul Rani	Perpustakaan Negara Malaysia (Pengerusi)
Puan Hasnita binti Zakaria	Perpustakaan Negara Malaysia (Timbalan Pengerusi)
Encik Kuljit Singh Ojagar Singh	Perbadanan Harta Intelek Malaysia (Moderator)
Encik Faizal Helmi bin Yusof	Perpustakaan Negara Malaysia
Encik Mohd Syauqi bin Abdul Latif	Perbadanan Harta Intelek Malaysia
Encik Ahmad Shuaimi bin Yunos	Institut Terjemahan & Buku Malaysia
YBrs. Dr. Mohd Faizal bin Hamzah	Universiti Malaya
Tuan Haji Zawawi bin Tiyunin	Universiti Malaysia Sabah
Puan Kala Devi a/p Kailasam	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup
Puan Rasinah binti Zakaria	Bahagian Sumber Teknologi Pendidikan
Encik Arief Hakim Sani bin Rahmat	Persatuan Penerbit Buku Malaysia
Encik Ahmad Hussein bin Thajudeen	Malaysia Reprographic Rights Centre

Puan Nisah binti Haron	Aktivis Perbukuan
Encik Zamri bin Mohammad	Aktivis Perbukuan
Encik Mohd Khair bin Ngadiron	Majlis Buku Kebangsaan Malaysia
Puan Siti Amiza binti Abdul Aziz	Majlis Buku Kebangsaan Malaysia
YBhg. Datin Siti Sarah Insyirah binti Abd. Rashid	Majlis Buku Kebangsaan Malaysia
Puan Shuzlina binti Mat Amin	Perpustakaan Negara Malaysia (Setiausaha)



9 789832 424369